

21 APR 1998

PRESIDEN BURKINA FASO LAWAT MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 21 April (Bernama) -- Presiden Burkina Faso, Blaise Compaore akan tiba esok untuk memulakan lawatan rasmi selama lima hari ke Malaysia bertujuan meningkatkan hubungan dua hala.

Satu kenyataan Wisma Putra berkata beliau akan diiringi oleh Menteri Luar Ablasse Ouedraogo, Menteri Perdagangan, Industridan Kraftangan Idrissa, Menteri Pertanian dan Sumber Haiwan Michel Koutaba dan delegasi seramai 23 orang.

Acara Compaore termasuk upacara sambutan rasmi di Dataran Parlimen dan mengadap Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar.

Presiden negara Afrika itu dijadualkan menghadiri mesyuarat delegasi dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang akan memberi tumpuan kepada isu-isu dua hala, serantau dan antarabangsa berkepentingan bersama.

Compaore juga dijangka diberi taklimat di MIDA (Lembaga Pembangunan Industri Malaysia), Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri dan Mardi mengenai strategi-strategi Malaysia untuk promosi pelaburan, perancangan ekonomi dan pengeluaran berasaskan pertanian.

Beliau juga akan melawat kilang Perusahaan Automobil Nasional Kedua (Perodua).

--BERNAMA

ES WAT